

ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN PONDOK DARI LENSEA PEGAWAI JABATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DI MALAYSIA

THE PONDOK EDUCATION ISSUES AND CHALLENGES FROM THE LENSES OF STATE RELIGIOUS DEPARTMENT AND COUNCIL OFFICIALS IN MALAYSIA

Maziahtusima Ishak¹

Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia
(Email: maziahtusima@gmail.com)

Siti Rugayah Hj Tibek²

Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM
(Email: sitirugayah@usim.edu.my)

Zulkiple Abd.Ghani³

Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM
(Email: drzulkip@usim.edu.my)

Mohd Muzhafar Idrus⁴

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: muzhafaridrus@usim.edu.my)

Hazlina Abdullah⁵

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: hazlina@usim.edu.my)

Amir Husin Mohd Nor⁶

Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM
(Email: amirhusin@usim.edu.my)

Noor Saazai Mat Saad⁷

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: noorsaazai@usim.edu.my)

Ramiida Darmi⁸

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: ramiida@usim.edu.my)

Adibah Sulaiman @ Mohamed⁹

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: adibah@usim.edu.my)

Setiyawan Gunardi¹⁰

Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM
(Email: setiyawan@usim.edu.my)

Noornajihan Ja'afar¹¹

Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, USIM
(Email: noornajihan@usim.edu.my)

Noor Azizi Ismail¹²

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: azizi12@usim.edu.my)

Hayati Ismail¹³

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM
(Email: hayati.ismail@usim.edu.my)

Accepted date: 15-11-2017

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Ishak, M., Tibek, S. R., Ghani, Z. A., Idrus, M. M., Abdullah, H., Nor, A. H. M., Saad, N. S. M., Darmi, R., Sulaiman Mohamed, A., Gunardi, S., Ja'afar, N., Ismail, N. A., & Ismail, H. (2019). Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 384-393.

DOI: 10.35631/IJEPC.4310033

Abstrak: Institusi pondok merupakan institusi terawal pendidikan Islam khususnya di Tanah Melayu. Kelahiran sekolah dan madrasah yang ditadbir oleh kerajaan dan juga swasta telah mengurangkan perkembangan pondok pada awal 90an. Namun begitu, pengajian pondok berkembang semula ekoran mendapat permintaan daripada masyarakat. Biarpun institusi ini merupakan institusi tertua, tinjauan yang dilakukan mendapati tidak ada penyelarasan dalam kurikulum atau pengajian yang diberikan. Kertas ini akan membincangkan beberapa aspek pendidikan di institusi pondok, terutamanya tentang cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pentadbir pondok dari sudut pandangan pegawai di Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri yang dijemput dalam satu sesi perbincangan meja bulat. Kaedah temubual yang dijalankan adalah temubual berkumpulan. Data temubual direkodkan, ditranskripsi dan dianalisa secara tematik dengan menggunakan perisian ATLAS ti. Kajian menunjukkan bahawa pengajian pondok semakin mendapat sambutan daripada masyarakat. Selain itu, terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada perkembangan pondok masa kini iaitu kurikulum, kewangan dan pengurusan pengajian pondok. Perhatian terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh pendidikan pondok merupakan langkah awal yang bermakna dan wajar kerana ianya dapat memperkasa institusi pondok dalam konteks negara Malaysia.

Kata Kunci: Pengajian Pondok, Pendidikan Islam, Pendidikan Kemahiran, Cabaran

Abstract: *Pondok Institution is one of the earliest institutions concentrating in Islamic education established especially in Malay Peninsula. The growth of schools and madrasah administered by the government as well as private has reduced the development of the pondok in the early 90s. However, at present, pondok studies are burgeoning due to the high demand from the community. Although the pondok institution can be regarded as pioneers in instituting Islamic education, survey that has been conducted finds that there is no clear, transparent coordination in the curriculum or studies provided. This paper discusses some aspects of education in pondok institutions, particularly on the challenges and impediments faced by the pondok administrators from the point of view of officials in the Islamic Religious Department and the State Islamic Religious Council, who are invited during a roundtable discussion. Group interviews were conducted. The interview data were recorded, transcribed and analyzed thematically using ATLAS ti software. The study reveals that studies concerning pondok institutions are increasingly gaining acceptance from local communities. In addition, there are three main factors that support the development of the present pondok education which are the curriculum, finance and management of the pondok study itself. By focusing on issues and challenges surrounding pondok education, this study is a start to a beginning of a worthwhile and meaningful discussion of what it means to develop pondok institution and teach Islamic education within Malaysian context.*

Keywords: Pondok Education, Islamic Education, Skills Education, Challenges

Pendahuluan

Pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tempoh masa yang amat panjang sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehinggalah sekarang. Dari abad ke-15 sehingga abad ke-17, pembelajaran pendidikan Islam dilaksanakan di masjid dan surau, rumah tuan guru dan istana. Sekitar abad ke-19, pembelajaran pendidikan Islam telah berubah kepada sistem pondok dan madrasah. Pendidikan Islam terus berkembang kepada sistem sekolah agama dengan kepulangan tokoh-tokoh agama dari Timur Tengah. Pada penghujung abad ke-19, sistem pembelajaran pendidikan Islam berkembang kepada sistem sekolah yang lebih moden khususnya di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Peringkat pertama Pendidikan Islam tidak formal didapati bermula di surau, masjid dan juga rumah guru (Abdullah Ishak, 1992). Galakan dan sambutan daripada masyarakat untuk lebih mendalami ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru dan rumah-rumah yang dikenali sebagai pondok diperluaskan lagi bagi menyediakan kediaman kepada pelajar, khususnya yang datang daripada tempat yang jauh. Oleh kerana senario semasa dalam negara menunjukkan bahawa permintaan masyarakat terhadap pendidikan agama semakin meningkat khususnya pendidikan di pondok dan madrasah, pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa lonjakan perubahan. Antara yang telah dilakukan adalah menyusun strategi dan pelan tindakan menerusi pembangunan Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan kerjasama sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pelan PISH adalah bagi memastikan kelestarian sistem pendidikan pondok dan madrasah. Ia juga merupakan salah satu usaha bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam dalam kalangan anggota masyarakat.

Pernyataan Masalah

Penulisan mengenai pengajian pondok telah mengupas beberapa isu seperti identiti pondok daripada aspek pengurusannya seperti struktur pengajian, teknik pengajaran dan pembelajaran, serta hubungan antara pelajar (Cowan, 1976; Abdullah Ishak, 1995; Zakaria Stapa et al., 2010; Masitah & Aizan, 2015). Di samping itu juga, aspek lain yang pernah diketengahkan dalam kajian lepas adalah menyentuh isu lokasi sekolah pondok seperti kajian Maimun Aqsha Lubis (2015) yang telah mengaitkan pondok sebagai rumah-rumah kecil yang dibina di kawasan khas berhampiran rumah tuan guru. Dapat dilihat bahawa perbincangan mengenai pengajian pondok adalah agak mencapah. Ini mungkin disebabkan pengajian sedemikian telah bermula pada seawal abad ke-15. Namun, statistik menunjukkan pengajian pondok telah mengalami perkembangan yang amat pesat di negara ini di mana terdapat sebanyak 283 buah pondok yang berdaftar (Siti Azielah, 2019) dan ini membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk membincangkan hal ini dengan lebih lanjut kerana masa telah berubah dan cabaran adalah berlainan. Maka para penyelidik telah mengambil inisiatif untuk mengumpulkan pegawai-pegawai dari Majlis agama dan Jabatan agama negeri-negeri untuk membincangkan isu dan cabaran pengajian pondok dewasa ini.

PISH adalah sebahagian daripada aktiviti dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). PISH merupakan satu usaha bagi memastikan kesinambungan Pendidikan Islam diberikan secara berterusan kepada setiap lapisan masyarakat di samping mempersiapkan individu dengan ilmu kemahiran dan keusahawanan. Pelan induk yang bakal dilaksanakan melalui medium pendidikan formal, tidak formal dan informal dilihat sangat relevan dalam misi untuk mengukuhkan Lonjakan 1 “graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang” dan Lonjakan 3 “menghayati pembelajaran sepanjang hayat” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Melalui kesepaduan ilmu dunia dan akhirat, maka akan lahir sumber manusia yang seimbang dan holistik, seiring dengan tuntutan ajaran Islam yang sebenar serta mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Kajian Literatur

Senario Pendidikan Islam di Institusi Pondok di Malaysia

Institusi pondok merupakan transformasi sistem pendidikan yang bermula dari institusi pengajian Islam di rumah, *suffah*, masjid dan juga istana. Matlamatnya semata-mata untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam kepada umat Islam bagi membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Kemunculan sistem pondok ini bermula pada abad 19 dan dikenali dengan berbagai-bagai panggilan seperti pasantren, langgar atau pondok. Namun, institusi tersebut mempunyai struktur pengajian, falsafah dan matlamat yang serupa. Ia memiliki identiti tersendiri yang terdiri dari pelbagai aspek seperti tempat, kurikulum, teknik pengajaran dan pembelajaran, pengkaedahan serta hubungan di antara pelajar (Cowan, 1976; Abdullah Ishak, 1995; Zakaria Stapa et al., 2010; Masitah & Aizan, 2015). Dalam konteks pendidikan Islam, ia dikaitkan dengan rumah-rumah kecil yang didirikan sebagai tempat tinggal pelajar, berhampiran surau atau madrasah dan rumah tuan guru di sebuah kawasan khas (Maimun Aqsha Lubis, 2015). Persaingan yang muncul menerusi pengenalan kepada sistem pendidikan Barat di samping pengaruh pemikiran reformasi seperti Muhammad Abduh dan Jamaluddin al-Afghani menyebabkan munculnya sistem pendidikan baru yang dikenali sebagai madrasah, sekolah Arab dan sekolah agama bagi menggantikan sistem pondok sedia ada (Abdullah Ishak 1995; Zakaria Stapa et. Al 2010; Masitah & Aizan 2015).

Institusi pondok membentuk satu komuniti tersendiri yang dibangunkan di atas sekeping tanah kepunyaan guru atau tanah wakaf atau dibeli bersama-sama oleh orang kampung. Pada umumnya, sesebuah pondok dikendalikan oleh seorang guru. Akan tetapi bagi pondok yang besar, guru biasanya dibantu oleh beberapa orang pembantu yang terdiri daripada murid lama yang menjadi harapan guru. Mereka diberi kepercayaan oleh guru untuk menjalankan kegiatan pengajaran dan pembelajaran di samping mengawasi dan mentadbir kawasan pondok. Mereka juga menggantikan guru untuk mengajar apabila guru tiada atau uzur. Biasanya, mereka ditugaskan untuk mengajar satu kumpulan pelajar di samping membimbing para pelajar tersebut untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru. Mereka ini dikenali sebagai *Kepala Telaah* (Abdullah Ishak, 1995).

Selain dari itu, pendidikan pondok lebih dikenali sebagai aliran tradisional kerana lebih menumpukan pembelajaran kepada ilmu agama (ukhrawi) seperti Tauhid, Fiqh, Usul Fiqh, Hadis, Ulum al-Quran, Nahu Sorof, Mantiq, dan Tasawuf berbanding ilmu teknologi (duniawi) seperti Sains, Matematik, dan Geografi. Kaedah pembelajaran yang digunakan adalah secara

talaqqi (berhadapan) dengan guru semasa pengajian dan pembacaan kitab. Guru akan memulakan pembacaan sesuatu kitab daripada kulit depan yang dimulai dengan tajuk dan seterusnya diikuti dengan muka surat berikutnya. Tiada langkauan dibuat oleh guru apabila membaca kitab-kitab ini. Guru akan membaca baris ke baris sehingga pelajar memahaminya dan akan diulang sekiranya pelajar tidak faham (Syuhaida Idha et al., 2015). Hal ini berbeza dengan sistem pendidikan sekarang yang menekankan aspek pedagogi dalam pembelajaran. Konsep yang diamalkan di pondok adalah proses pengajaran berpusat kepada guru dan ini berbeza dengan aplikasi konsep di sekolah aliran perdana iaitu pembelajaran tertumpu kepada pelajar dan guru hanya bertindak sebagai fasilitator (James Ang et al., 2017).

Kurikulum pondok juga berubah dari semasa ke semasa tetapi tetap berlandaskan Islam. Perubahan ini berlaku apabila ada penambahan ilmu guru, atau perubahan guru. Mata pelajaran yang diajar di kebanyakan pondok termasuklah nahu, saraf, fikah, tauhid, tasawuf dan akhlak. Namun begitu, terdapat perbezaan di antara sesebuah pondok dengan pondok yang lain. Walau pun pengajian pondok tidak didasarkan pada kenaikan darjah, secara kasar sistem pengajian boleh dibahagi kepada tiga peringkat, iaitu permulaan, pertengahan dan tinggi (Abdullah Ishak, 1995).

Namun demikian, penekanan terhadap ilmu fardhu ain semata-mata tanpa penekanan terhadap ilmu teknologi (duniawi) menyebabkan terdapat segelintir masyarakat mempunyai persepsi negatif terhadap institusi pondok. Mereka melihat institusi ini tidak setanding dengan institusi sedia ada dalam sistem pendidikan arus perdana apatah lagi dengan timbulnya isu pengiktirafan dan pensijilan. Isu pensijilan ini menyukarkan pelajar lepasan pondok untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau pun mendapatkan pekerjaan berdasarkan kelulusan yang diperolehi mereka (Azemi, 1986; Ramli et al., 2015; Siti Rugayah & Maziahtusima Ishak, 2017). Perkara ini turut menyukarkan pelajar institusi pondok tahfiz ini bersaing secara sihat dalam alam pekerjaan setelah tamat belajar.

Meskipun pengajian pondok tidak memberikan sebarang jaminan pekerjaan dan pengiktirafan berbentuk sijil, kajian mendapati kebanyakan pelajar belajar adalah untuk mendapatkan kerediaan Allah semata-mata dan ingin keluar daripada kejahilan. Tumpuan sepenuhnya kepada hafazan al-Quran dan penghayatan ilmu daripada kitab yang diajari guru tidak menghalang mereka untuk terus kekal dalam sistem pondok meskipun terdapat kebimbangan daripada pelbagai pihak tentang kemampuan pelajar ini untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam dunia yang semakin mencabar termasuklah perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang hangat dibincangkan.

Sumbangan Institusi Pondok Kepada Pendidikan di Malaysia

Sistem Pendidikan pondok masih lagi kekal sehingga ke hari ini meskipun arus pemodenan terus melanda dunia. Sistem ini banyak melahirkan pelajar yang mahir dengan ilmu-ilmu agama yang mereka pelajari meliputi usuluddin, tasawwuf, fiqh, mantik dan sebagainya. Selain daripada belajar, mereka juga melakukan kegiatan kemasyarakatan seperti menunaikan solat jenazah, membaca tahlil, mengimamkan solat Jumaat dan pelbagai kegiatan lain atas permintaan masyarakat setempat (Hashim, Rufai & Mohd Nor, 2011). Keadaan ini berterusan dan diamalkan sekian lama sehingga wujudnya hubungan symbiosis ataupun hubungan yang saling memerlukan antara masyarakat dengan sekolah pondok.

Sistem Pendidikan pondok menggunakan kaedah pembelajaran talaqqi *musyafahah* iaitu berhadapan dengan guru. Kaedah ini juga sangat berkesan walaupun ianya merupakan kaedah konservatif. Pembelajaran yang diajar dalam institusi pondok dapat dikuasai pelajar walaupun silibus yang dipelajari dalam institusi pondok adalah tinggi. Selain daripada itu, guru bukan sekadar *muallim* yang mengajar tetapi juga sebagai *murabbi* pondok dan sekaligus memberi manfaat yang lebih kepada pelajar dan masyarakat yang datang untuk mempelajari ilmu agama di sekolah pondok.

Masjid yang dibina di dalam sekolah pondok bukan sahaja memberi manfaat kepada kelompok pondok sahaja, malah turut memberikan manfaat kepada masyarakat sekitar. Fungsi saling memerlukan dapat dilihat apabila masjid tersebut dikunjungi masyarakat luar untuk menunaikan solat berjemaah, terutama ketika solat Jumaat. Masjid turut menjadi tempat masyarakat sekitar mempelajari ilmu agama secara sambilan (Jamsari, 2011).

Selain tu, kebanyakan sekolah pondok di Malaysia ini turut menjadi pusat perlindungan kepada mereka yang memerlukan seperti golongan kelainan upaya, wanita yang sudah bercerai ataupun warga emas. Tambahan pula, di pondok terdapat satu penyelarasan yang dibuat oleh pihak pengurusan pondok untuk memastikan keselamatan jika ingin keluar-masuk ke bandar, perlu mengisi borang dengan lengkap (Sahlawati et al., 2016). Tambahan lagi, ada dalam kalangan warga emas yang kematian ahli keluarga dan mereka menggunakan pondok sebagai alternatif tempat untuk mendapatkan perlindungan.

Di Malaysia, institusi pondok telah berjaya melahirkan ramai para ulama dan tokoh yang memberi sumbangan dan memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat. Mereka memberikan didikan dan nasihat agama sekaligus mencorak peribadi dan memberi contoh akhlak yang baik terhadap masyarakat. Justeru, institusi pondok ini sangat penting kerana terbukti mampu menjadi wadah dalam menyokong pembangunan dan perkembangan negara. Oleh itu, institusi pondok perlu diberi nafas baru selari dengan perkembangan dunia semasa.

Objektif kajian

Kajian ini adalah untuk menerokai isu dan cabaran pengajian pondok di Malaysia daripada kacamata pegawai Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian adalah apakah isu dan cabaran pengajian pondok di Malaysia daripada kacamata pegawai Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia?

Metodologi Kajian

Kajian mengenai isu dan cabaran ini merupakan sebahagian daripada kajian P/SH yang lebih besar. Dapatan yang dilaporkan di dalam artikel ini adalah dari fasa 1 kajian tersebut. Fasa 1 adalah bermatlamat untuk mengutip data awalan mengenai pengurusan pengajian pondok di negeri-negeri di Malaysia. Maka, jemputan telah dihantar kepada semua pegawai bertanggungjawab di Majlis dan Jabatan Agama Islam di semua negeri di Malaysia. Pegawai

di Sabah dan Sarawak juga telah dihubungi, namun mereka tidak dapat memenuhi jemputan tersebut disebabkan kekangan masa dan jarak.

Metod yang digunakan adalah temu bual berkumpulan. Seramai 30 orang pegawai Majlis dan Jabatan Agama Islam yang boleh hadir telah dikumpulkan di sebuah hotel untuk satu sesi perbincangan meja bulat. Sesi dimulakan dengan penerangan mengenai projek oleh ketua PISH, Prof Dato Dr Zulkiple Abd Ghani. Ini diteruskan dengan pembentangan oleh pegawai-pegawai yang hadir di mana mereka berkongsi mengenai pengalaman menguruskan pengajian pondok di negeri masing-masing. Seterusnya, secara spesifik, persoalan mengenai isu dan cabaran telah dilontarkan untuk menjadi bahan perbincangan.

Analisa Data

Temu bual ini direkod dan ditranskripsikan. Analisa tematik telah dijalankan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Dapatan yang dikeluarkan dari data transkripsi telah divalidasi oleh beberapa pegawai di jabatan agama dari Negeri Sembilan dan Selangor.

Dapatan Kajian

Kajian lapangan oleh penyelidik USIM menunjukkan bahawa institusi pondok mempunyai permasalahan tersendiri. Antara permasalahan yang dihadapi adalah berkaitan dengan kurikulum, kewangan dan isu pengurusan seperti infrastruktur, tenaga pengajar dan pendaftaran. Permasalahan ini perlu diatasi secara tuntas bagi memperkasa institusi pondok dalam merealisasikan agenda transformasi negara. Berdasarkan kajian lapangan, beberapa isu dan cabaran telah dikenalpasti iaitu :

Kurikulum

Isu utama yang berkaitan dengan kurikulum pengajian di institusi pondok adalah ketidakseragaman kurikulum yang diguna pakai. Kurikulum institusi pondok adalah tertakluk di bawah pengurusan institusi masing-masing. Kurikulum pengajian antara negeri-negeri juga berbeza. Kebanyakan institusi pondok swasta menggunakan kurikulum mengikut tempat pengajian pengasasnya. Institusi pondok didapati mengamalkan sistem pengajian tradisional yang menggunakan pembelajaran kitab (kulit ke kulit) yang disampaikan secara langsung oleh guru mereka. Kurikulum yang tidak selaras boleh menyulitkan lepasan institusi tahfiz dan pondok untuk melanjutkan pengajian. Namun begitu, dengan pelaksanaan konsep *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang cuba diperluaskan kepada golongan ini, diharapkan mereka ini mempunyai peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Kewangan

Sumber kewangan merupakan aspek penting bagi memastikan kelangsungan institusi pondok selain untuk memberikan pendidikan terbaik kepada para pelajar. Walaupun terdapat institusi yang menawarkan sumber kewangan kepada institusi pondok secara berkala atau dalam bentuk sumbangan tahunan, jumlah ini masih jauh daripada mencukupi. Perbelanjaan di institusi pondok lazimnya merangkumi penggajian tenaga pengajar, pembelian alatan pembelajaran dan penyelenggaraan infrastruktur. Kebanyakan pondok tidak mempunyai dana yang kukuh dan tetap. Sebahagiannya banyak bergantung kepada sumbangan masyarakat dan kutipan yuran daripada ibu bapa pelajar selain bantuan kewangan yang dihulukan oleh Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, pusat zakat dan badan berkanun kepada institusi pengajian tahfiz dan pondok yang berdaftar.

Pengurusan

Tenaga Pengajar

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru di institusi pondok tidak terlatih dalam ilmu pedagogi dan pendidikan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan mereka ini mempunyai latar belakang pendidikan yang kukuh dalam bidang agama. Para pelajar turut mengakui para guru berkemampuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan mereka selain menguasai ilmu yang diajar. Guru juga dianggap mampu menyampaikan pengajaran dengan cara yang mudah difahami dan bersikap tenang apabila berhadapan dengan karenah murid. Keadaan ini menunjukkan bahawa para pelajar sangat memandangi tinggi kepada kredibiliti guru mereka dan sangat taat kepada suruhan guru. Hal ini perlu diteliti memandangkan terdapat kebarangkalian pelajar amat mudah dipengaruhi dengan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenarnya.

Infrastruktur

Isu yang sering disuarakan oleh kebanyakan pihak ialah keselamatan bangunan dan kekurangan prasarana di kebanyakan institusi pondok selain tidak mematuhi spesifikasi keselamatan dan premis yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Ini menyebabkan keselamatan para pelajar tidak terjamin. Selain itu, terdapat juga institusi pondok didapati tidak mempunyai prasarana yang lengkap mahupun kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini turut menyumbang kepada kesukaran untuk melaksanakan pendidikan kemahiran kepada pelajar institusi tahfiz dan pondok. Kajian yang dijalankan mengesahkan dakwaan ini berdasarkan maklumbalas para pelajar bahawa mereka kurang mendapat latihan keusahawanan.

Pendaftaran

Masih banyak lagi institusi pondok tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan keadaan ini boleh menyukarkan usaha pemantauan dan penambahbaikan kepada kualiti pendidikan pondok yang terdapat di negara ini. Kerajaan juga sedang giat mengatur strategi bagi memberikan latihan kemahiran (TVET) dan keusahawanan kepada para pelajar pondok supaya mereka mempunyai nilai tambah dan mampu menjadi insan seimbang yang holistik meskipun masih terdapat institusi tahfiz dan pondok yang enggan membuka ruang dan peluang kepada institusi kemahiran untuk melatih dan mendidik pelajar mereka kerana terdapat kebimbangan terhadap kehilangan tumpuan kepada hafazan.

Cadangan dan Kesimpulan

Sumbangan institusi pendidikan pondok kepada masyarakat Islam di negara ini perlu dihargai dan diperhalusi. Pertumbuhan pesat institusi pondok dengan konsep pendidikan yang pelbagai membuktikan bahawa masyarakat sudah mulai sedar bahawa untuk terus bertahan dalam arus globalisasi yang semakin mencabar, setiap individu perlu dilengkapi ilmu agama yang mantap. Walau bagaimanapun, masyarakat juga perlu disedarkan bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menjadi cemerlang dengan menguasai pelbagai disiplin ilmu. Justeru, usaha pihak KPM untuk memperkasa pendidikan pondok di negara ini menerusi integrasi bidang kemahiran dalam pengajian institusi pondok perlu mendapat sokongan semua pihak. Meskipun pelbagai masalah dan isu timbul khususnya daripada aspek kurikulum, kewangan dan pengurusan pondok, semua pihak harus berganding bahu dan bekerja bersama agar dapat menjamin kelangsungan pendidikan pondok ke arah membina ummah yang seimbang dan holistik menurut acuan tersendiri.

Rujukan

- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed, Adel M. Abdulaziz, Mohamed Abdullahi Nur & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). *Isu Semasa Pengajian: Quran dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial, KUIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Azemi Kadir. (1986). *Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah, Pasir Tumboh, Kota Bharu Kelantan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Cowan J.M. (1976). *The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*. New York. Spoken Language Service.
- Hashim, R., Rufai, A.s. & Mohd Nor, M.R. (2011). *Traditional Islamic Education in Asia and Africa: A Comparative Study of Malaysia's pondok, Indonesia's pesantren and Nigeria's traditional madrasah*. World Journal of Islamic History and Civilization.
- James Ang Jit Eng, Samsiah Si-Rajab, Lim Siew Ngen, Chai Sai Hon, Quah Cheng Sim & Muhammad Sauki Razali. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21*. Nilai: Institut Aminuddin Baki.
- Jamsari, E.A. I.Y. Noor, K.M. Wan, S. Adibah, J. Kamaruzzaman, M.H.W.H. Wan, A.Z. Zinatul, Z.A.H. Mohd and R.M.A. Mohd. (2011). The influence of Middle East on the Development of Islamic Education in Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research: Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East*. 7(Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East), 141-150.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Fasa 2 (2001-2015)*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Laporan Pelaksanaan Program PISH Kolej Komuniti. (2016). *Mesyuarat JK Kerja Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Bil 1*. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 4 Oktober.
- Maimun Aqsha Lubis. (2015). *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia*. Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization.
- Masitah Ramli & Aizan Ali@Mat Zin. (2015). Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama Di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan Di Yik Dan Jais. *Journal al Muqaddimah*, Vol 3(3), 50-65.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusoff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education.
- Noraina Abdul Rahman, Sarah Abd Hamid & Firdaus Hassan. (2017). *Pengalaman Memberi Latihan Kemahiran Kepada Pelajar Tahfiz Dan Pondok Bersama Kolej Komuniti*. Bangi: Prosiding Seminar Pendidikan Sepanjang Hayat: Kemahiran Keusahawanan dalam Pendidikan Pondok.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2015). Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type- Education. *Jurnal Perspektif* Jil. 8, Bil.2.
- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Safinah Ismail. (2016). Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam: Fakulti Pengajian Peradaban Islam*, Bil 9 (11), 1-23.

- Siti Rugayah Tibek & Maziahtusima Ishak. (2017). *Cabaran Dan Permasalahan Pendidikan Institusi Pondok di Malaysia*. Bangi: Prosiding Seminar Pendidikan Sepanjang Hayat: Kemahiran Keusahawanan dalam Pendidikan Pondok.
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Asmadi Yakob & Abd Shukor Mohd Ali. (2015). *Pedagogi Talaqqi Dalam Pendidikan Islam di Pondok*. Kuala Lumpur: E-Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015.
- Zakaria Stapa. (2010). *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.